

Paras air takungan Kolum Bukit Merah semakin susut

► Bukit Merah

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terpaksa menangguhkan sistem pengairan untuk aktiviti pertanian kepada pesawah di kawasan Selinsing dan Gunung Semangol, dekat sini, berikutan kuantiti air takungan Kolum Bukit Merah semakin susut.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air negeri, Datuk Zainol Fadzi Paharudin, berkata tindakan itu disebabkan kolum tadahan di situ mengalami penyusutan antara lima hingga lapan sentimeter sehari berikutan cuaca panas El Nino.

Katanya, kuantiti paras air kolum tadahan terbabit kini berada pada 7.12 meter dan dilabelkan sebagai kritikal tahap dua.

Beliau berkata, sistem pengairan untuk dua kawasan pertanian terbabit meliputi keluasan

4,967 hektar terpaksa ditunda 10 hari daripada tarikh ditetapkan sebelum ini.

Katanya, paras kolum tadahan semakin surut dan dilabelkan sebagai kritikal tahap dua, pihak JPS terpaksa menghadkan kegunaannya kepada sumber bekalan air bersih untuk minuman sahaja.

Tunda tarikh pengairan

“Sekiranya keadaan cuaca berterusan, pihak JPS sekali lagi akan menunda tarikh pengairan di dua kawasan ini bagi membolehkan proses pertanian dijalankan dengan kuantiti air mencukupi,” katanya ketika meninjau Kolum Tadahan Empangan Bukit Merah di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Pengarah JPS negeri, Datuk Abdul Razak Dahalan dan Jurutera Daerah JPS Kerian, Hasmi Mat.

Zainol Fadzi berkata, pihaknya bimbang berikutan laporan, JPS



Abdul Razak (kanan) **meneliti peta kolum tadahan Empangan Bukit Merah** sambil diperhatikan Zainol Fadzi (dua dari kanan).

[FOTO SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI/BH]

mendapati kuantiti air kolum tadahan di sini hanya mampu bertahan enam hari sahaja sekiranya tiada hujan di kawasan kolum tadahan.

“Laporan Jabatan Meteorologi

memaklumkan hujan dijangka turun pada April.

“Tidak dinafikan perkara itu, namun hujan dalam tempoh kurang lima minit di beberapa kawasan tertentu namun di sekitar

kawasan kolum tadahan langsung tidak menerima hujan sejak hampir tiga bulan lalu.

“Kita berharap dan berdoa perkara ini (keadaan panas) tidak berlarutan,” katanya.